

**PENERAPAN NILAI MURNI MELALUI TEKNIK BERCERITA  
PERINGKAT PRASEKOLAH DI ZON SLIM RIVER**

**ROZAIMI BIN RAMLI**

**DISERTASI YANG DIKEMUKAKAN ADALAH UNTUK  
MEMENUHI SYARAT MEMPEROLEH  
IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN  
BAHASA MELAYU**

**FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI  
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

**2010**

## PENGAKUAN

Saya mengaku karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

14 Oktober 2010

  
.....  
ROZAIMI BIN RAMLI  
M20081000086

## PENGHARGAAN

*Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Pengasih Lagi Maha Penyayang*

*“Tidak Akan Berubah Nasib Sesuatu Kaum Melainkan Kaum Itu Mengubah Nasib Mereka Sendiri”*

Alhamdulillah, puji dan syukur ke hadrat Allah S.W.T, selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W kerana mengizinkan saya menyiapkan kertas projek yang bertajuk Penerapan Nilai Murni Melalui Teknik Bercerita Peringkat Prasekolah Di Zon Slim River. Di kesempatan ini, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang terlibat dalam memberikan kerjasama dan sumbangan yang tidak ternilai dalam menyiapkan kertas projek ini.

Pertama sekali, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada En. Abdullah Bin Yusof selaku Penasihat Akademik dan Penyelia Projek yang sentiasa sabar dalam memberikan tunjuk ajar, bimbingan, dorongan dan nasihat kepada saya untuk menyiapkan kertas projek ini. Berkat daripada kesabaran dan tunjuk ajar beliau, akhirnya saya berjaya menyempurnakan tugas ini. Sesungguhnya segala penat lelah tanpa mengenal erti jemu yang beliau tunjukkan amat saya kagumi. Semoga kertas projek ini dapat memberi manfaat kepada pihak guru dalam memperkasakan sistem pendidikan negara seiring dengan perkembangan dunia semasa.

Saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Institut Pengajian Siswazah (IPS) dan barisan tenaga pengajar Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), khususnya kepada para pensyarah di Fakulti Bahasa kerana memberi ilmu yang bermanfaat untuk saya gunakan dalam menyempurnakan tugas ini. Ucapan terima kasih juga saya panjangkan kepada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan,



Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM), Jabatan Pelajaran Negeri Perak, Pejabat Pelajaran Daerah Batang Padang, Guru Besar dan guru bahasa Melayu serta murid prasekolah di Zon Slim River atas kerjasama yang jitu dalam menjayakan tugas ini.

Pada kesempatan ini juga saya ini menzahirkan ucapan terima kasih kepada rakan-rakan seperjuangan kerana banyak membantu dalam merealisasikan impian dan cita-cita bersama-sama. Tidak dilupakan juga kepada barisan pentadbir, rakan sejawat dan anak-anak didik SM Vokasional Slim River kerana memberikan sokongan dan dorongan untuk saya menuntut ilmu dan menyiapkan tugas ini.

Buat isteri tercinta, Norsharifah Binti Hj. Ahmad dan anak-anak (Muhammad Muaz dan Normaisarah) yang sentiasa memahami dan menjadi pendorong untuk saya menyiapkan kajian ini. Semoga kalian terus sabar dan mendoakan semoga ayah mencapai kejayaan. Kepada ayahanda dan bonda tersayang, terima kasih kerana memberikan dorongan dan iringan doa restu sehingga tugas ini berjaya disempurnakan. Semoga jasa dan pengorbanan yang diberikan mendapat pertimbangan yang sewajarnya daripada Allah S.W.T.

Sekian, wassalam.

ROZAIMI BIN RAMLI  
M20081000086  
Pelajar Sarjana Pendidikan Bahasa Melayu  
Universiti Pendidikan Sultan Idris  
Tanjong Malim, Perak.

14 Oktober 2010





## ABSTRAK

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk melihat penerapan nilai murni dalam pengajaran Bahasa Melayu pada peringkat prasekolah. Kaedah kajian yang dilaksanakan dalam kajian ini merupakan kajian kualitatif, iaitu kaedah pemerhatian, transkripsi interaksi dan temu bual. Responden kajian ini terdiri daripada 2 orang guru Bahasa Melayu yang mengajar prasekolah di Zon Slim River. Pemilihan kedua-dua buah sekolah ini adalah berdasarkan sampel rawak bertujuan. Bagi memperoleh dapatan kajian, pengkaji telah membuat rakaman terhadap pengajaran Bahasa Melayu yang dilaksanakan oleh kedua-dua responden di dalam kelas. Alat rakaman yang digunakan ialah kamera digital berkapasiti 8.2 megapixel. Hasil rakaman telah dijana menggunakan perisian *real player* dan ditranskripsi ke dalam bentuk teks menggunakan *Microsoft Office Word 2007*. Seterusnya data ini dianalisis untuk melihat penerapan nilai murni yang dilaksanakan oleh guru dalam pengajaran di dalam kelas. Selain itu, kaedah temu bual juga digunakan dalam kajian ini bagi mengukuhkan dapatan kajian. Sebanyak 15 soalan telah dikemukakan kepada responden, iaitu mencakupi aspek penerapan nilai murni dan teknik bercerita yang diaplikasikan dalam pengajaran dan pembelajaran (P&P). Daripada kajian yang dijalankan, ternyata guru menerapkan nilai murni dalam (P&P). Selain itu, terdapat nilai murni sampingan yang turut diterapkan oleh guru secara langsung mahupun tidak langsung. Bagi pengamalan teknik bercerita dalam pengajaran, kedua-dua responden bersetuju teknik bercerita sesuai dilaksanakan untuk mengajar murid-murid prasekolah. Perkara ini dapat membuktikan bahawa terdapat kesinambungan penerapan nilai murni dengan teknik bercerita.





## ABSTRACT

This study intends to observe the incorporation of moral values in the teaching of Bahasa Melayu at preschool level. This is a qualitative research which utilizes the observation method, interaction, transcription, and interview. The respondents of this research comprise two Bahasa Melayu teachers teaching preschool in the Slim River Zone. The selection of respondents is made based on random sampling. In order to obtain the research findings, the researcher has made video recording of the teaching of Bahasa Melayu carried out by both respondents in class. The research tool is an 8.2 megapixel digital camera. The recorded observation is generated using *Real Player* and has been transcribed to text using *Microsoft Office Word 2007*. Subsequently, the data is analysed to see the integration of moral values by the teacher during the teaching process in class. Apart from this, the interview method is used to strengthen the research findings. 15 questions which covers the aspect of integrating moral values and storytelling technique applied in the teaching and learning process have been posed to the respondents. Apparently, based on this research, the teachers have managed to incorporate moral values in their teaching and learning process. In addition, other moral values have also been added by the teachers either directly or indirectly in their teaching. Meanwhile the two respondents agreed that the storytelling method is appropriate to use in teaching preschoolers. This proves continuity between the integration of moral values with storytelling technique.



**KANDUNGAN**

	<b>Halaman</b>
<b>PENGAKUAN</b>	ii
<b>PENGHARGAAN</b>	iii – iv
<b>ABSTRAK</b>	v
<b>ABSTRACT</b>	vi
<b>KANDUNGAN</b>	vii – ix
<b>SENARAI RAJAH</b>	x
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xi
<b>BAB I</b>	
<b>PENDAHULUAN</b>	
1.1 Pengenalan	1 – 3
1.2 Latar Belakang Kajian	4 – 6
1.3 Masalah Kajian	6 – 8
1.4 Tujuan Kajian	9
1.5 Kepentingan Kajian	10 – 12
1.6 Soalan Kajian	12
1.7 Definisi Operational	
1.7.1 Penerapan	13
1.7.2 Nilai Murni	13 – 14
1.7.3 Teknik Bercerita	15
1.7.4 Prasekolah	15 – 16
1.8 Kesimpulan	16
<b>BAB II</b>	
<b>KAJIAN LITERATUR</b>	
2.1 Pengenalan	17 – 18
2.2 Sejarah Perkembangan Pendidikan Prasekolah	18 – 22
2.3 Latar Belakang Prasekolah	22 – 23
2.4 Model Konseptual	24 – 28
2.5 Pelaksanaan Program Prasekolah	28 – 30
2.5.1 Penyediaan Tempat Prasekolah	30 – 31
2.5.2 Penyediaan Tenaga Guru dan Pengasuh Kanak-kanak	31 – 33
2.5.3 Bahan dan Alatan Prasekolah	33 – 35
2.6 Interaksi	
2.6.1 Interaksi Guru dengan Kanak-Kanak	35 -36
2.6.2 Interaksi Kanak-kanak dengan Kanak-kanak	36



	2.6.3 Interaksi Guru dengan Ibu bapa	36
2.7	Strategi Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran	37 – 38
2.8	Pengajaran Bahasa Melalui Kaedah Bercerita	38 – 40
	2.8.1 Kaedah Bercerita	40 – 44
	2.8.2 Perkara-perkara Penting dalam Teknik Bercerita	44 – 46
2.9	Dapatan Kajian Lepas	46 – 49
2.10	Kesimpulan	50

### BAB III

### METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	51 – 54
3.2	Reka Bentuk Kajian	54 – 55
3.3	Populasi dan Sampel Kajian	
	3.3.1 Populasi Kajian	55
	3.3.2 Sampel Kajian	56
3.4	Instrumen Kajian	57 – 60
3.5	Prosedur Pengumpulan Data	60 – 61
3.6	Teknik Penganalisan Data	61 – 63
3.7	Kesimpulan	64

### BAB IV

### DAPATAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	65 – 66
4.2	Dapatan Kajian	
	4.2.1 Sejauhmanakah Guru Menerapkan Nilai Murni dalam Pengajaran Bahasa Melayu	67 – 73
	4.2.2 Sejauhmanakah Teknik Bercerita Mampu Menerapkan Nilai Murni dalam Kalangan Pelajar Prasekolah	73 – 75
	4.2.3 Bilakah Guru Menerapkan Nilai Murni dalam Sesi Pengajaran dan Pembelajaran	75 – 78
	4.2.4 Apakah Kelebihan dan Kekurangan Teknik Bercerita dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu Peringkat Prasekolah	78 – 84

### BAB V

### RUMUSAN DAN CADANGAN

5.1	Pengenalan	85
5.2	Ringkasan Kajian	85 – 86
5.3	Perbincangan Dapatan Kajian	
	5.3.1 Sejauhmana Guru Menerapkan Nilai Murni dalam Pengajaran Bahasa Melayu	87 – 89



5.3.2	Sejauhmana Teknik Bercerita Mampu menerapkan Nilai Murni dalam Kalangan Murid-murid Prasekolah	90 – 91
5.3.3	Kesesuaian Penerapan Nilai Murni Semasa Sesi Pengajaran dan Pembelajaran dalam Kelas.	91 – 92
5.3.4	Kelebihan dan Kekurangan Teknik Bercerita dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu Peringkat Prasekolah	92 – 94
5.4	Cadangan	94 – 96
5.5	Cadangan Kajian Lanjut	96 – 97
5.6	Kesimpulan	97 – 98

<b>RUJUKAN</b>	99 - 103
----------------	----------

### LAMPIRAN

Lampiran A: Data Interaksi Antara Guru dengan Pelajar	104 – 123
Lampiran B: Soalan Temu bual	124 – 125
Lampiran C: Surat Pengesahan Status Pelajar	126
Lampiran D: Surat Pengesahan untuk Membuat Penyelidikan	127
Lampiran E: Surat Kebenaran Menjalankan Kajian daripada Bahagian Penyelidikan Dasar Pendidikan, Kementerian Pelajaran Malaysia	128
Lampiran F: Surat Kebenaran Menjalankan Kajian daripada Jabatan Pendidikan Negeri Perak	129

## SENARAI RAJAH

No. Rajah	Nama Rajah	Halaman
1	Model Konseptual Kurikulum Prasekolah	24
2	Model Inkuiri Nilai Banks	52

## SENARAI CARTA

No. Carta	Nama Carta	Halaman
1	Prosedur Pengumpulan Data	61

## SENARAI SINGKATAN

### Singkatan

BBM

G

GPKPP

JPN

KPM

NCAC

PKG

P&P

PP

Tadika

UPSI

### Pengertian

Bahan Bantu Mengajar

Guru

Garis Panduan Kurikulum Pendidikan Prasekolah

Jabatan Pendidikan Negeri

Kementerian Pelajaran Malaysia

*National Childcare Accreditation Council*

Pusat Kegiatan Guru

Pengajaran dan Pembelajaran

Para Pelajar

Taman Didikan Kanak-Kanak

Universiti Pendidikan Sultan Idris

## BAB I

### PENDAHULUAN

#### 1.1 Pengenalan

Pendidikan merupakan elemen penting dalam konteks untuk membina modal insan yang berkualiti. Perkara ini merupakan agenda utama negara untuk melahirkan warganegara yang berilmu dan berketrampilan. Sistem pendidikan negara juga sentiasa berkembang seiring dengan perkembangan dunia semasa. Penerapan nilai-nilai murni menjadi asas utama membentuk masyarakat yang berbudaya, berakhlak mulia dan bersopan santun.

Menurut Nik Azis Nik Pa (1988) pendidikan merupakan satu usaha nasional untuk mewujudkan pembangunan insan dengan memupuk nilai murni, mengembangkan kekuatan ilmu, dan membentuk sikap hidup positif agar menjadi insan yang berdaya maju, dinamik dan progresif dalam semua aspek pertumbuhan dan perkembangan diri, selaras dengan matlamat Falsafah Pendidikan Negara. Perkembangan dalam sistem pendidikan negara sejak tahun 1980-an telah mendorong berlakunya perkembangan dalam pendidikan prasekolah. Terdapat lebih daripada 10,350 buah prasekolah di

seluruh negara yang dikelolakan oleh pelbagai agensi kerajaan, badan berkanun, swasta, pertubuhan sosial dan agama, serta pertubuhan politik (Hussein Ahmad, 1996).

Menurut perangkaan yang dikeluarkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) pada 31 Julai 2009, bilangan sekolah yang menawarkan program prasekolah di seluruh negara berjumlah 5497, iaitu Program Prasekolah sebanyak 5363 dan Program Prasekolah Khas sejumlah 134. Daripada angka ini pula, bilangan kelas prasekolah yang terdapat di seluruh negara berjumlah 10318. Perkara ini membuktikan bahawa pendidikan awal kanak-kanak atau prasekolah merupakan elemen penting yang diberi perhatian oleh kerajaan sebagai asas proses perkembangan diri dan kognitif kanak-kanak.

Sehubungan itu, program pendidikan prasekolah adalah bertujuan untuk melahirkan murid-murid yang berjaya mengembangkan daya intelek ke tahap yang maksima berlandaskan nilai dan tradisi bangsa yang murni. Keperluan kepada program yang sedemikian sememangnya amat diperlukan, memandangkan agenda pendidikan kini semakin menjadi tumpuan kritis bagi dasar dan pembangunan negara. Malah, program pendidikan prasekolah melalui Akta Pendidikan Kebangsaan 1996, telah dimartabatkan sebagai sebahagian daripada sistem pendidikan kebangsaan (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1996). Hal ini diperkukuhkan lagi dengan pernyataan oleh mantan Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia, Datuk Haji Rafei Haji Mahat yang mengatakan :



*“Akta Pendidikan 1996 yang telah diluluskan memberi satu perubahan yang signifikan bagi pendidikan prasekolah. Pendidikan prasekolah telah dimasukkan ke dalam Sistem Pendidikan Kebangsaan. Peruntukan akta ini memberi penekanan kepada pendidikan prasekolah bagi kanak-kanak dalam lingkungan umur 4 hingga 6 tahun. Perubahan dasar ini menunjukkan Kementerian Pelajaran Malaysia sentiasa menumpukan usaha untuk mengekal dan mempertingkatkan kualiti pendidikan prasekolah”*

*(Pusat Perkembangan Kurikulum – KPM, 2001)*

Pendidikan awal kanak-kanak sejak kebelakangan ini telah dikenali umum sebagai pendidikan prasekolah dan dianggap penting oleh semua pihak. Persekitaran dan pengalaman prasekolah merupakan satu transit dan persediaan ke peringkat pendidikan rendah. Rohaya Yahya (1996) berpendapat bahawa pendidikan prasekolah sebagai *“education as a preparation for going into the word”*. Akta Pendidikan 1996 yang diluluskan telah memberi satu perubahan yang signifikan terhadap pendidikan prasekolah.



Perubahan yang berlaku menyebabkan pendidikan peringkat awal kanak-kanak memerlukan satu kurikulum yang universal, terancang dan dapat memenuhi keperluan murid-murid semasa. Kurikulum Prasekolah Kebangsaan telah digubal sebagai usaha untuk menyelaraskan dan meningkatkan kualiti pendidikan prasekolah. Perkara ini telah menjadi satu dokumen rujukan yang standard kepada semua pengusaha tadika seperti yang terdapat dalam pindaan Akta Pendidikan 1996.





## 1.2 Latar Belakang Kajian

Matlamat kurikulum bahasa Melayu adalah untuk melahirkan murid yang dapat menguasai kemahiran mendengar dan bertutur, kemahiran membaca, atau kemahiran menulis dengan baik. Selain melahirkan murid yang dapat berbahasa dengan baik, konsep penyerapan dapat membantu murid menjadi insan yang berilmu, berketerampilan, dapat berkomunikasi dengan berkesan, mampu memenuhi keperluan diri serta bijak dalam perhubungan sosial dan urusan harian. Sehubungan dengan itu, bagi mencapai matlamat dalam pengajaran dan pembelajaran, pengisian kurikulum bahasa Melayu melibatkan elemen ilmu, nilai murni, kewarganegaraan, peraturan sosiobudaya, dan kemahiran bernilai tambah perlu dilaksanakan oleh para guru.

Dalam memartabatkan sistem pendidikan negara, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah mengambil langkah praktikal dengan memberi penekanan terhadap penerapan nilai murni bermula di peringkat awal persekolahan, kemudian ke peringkat menengah dan seterusnya institusi pengajian tinggi (IPT). Penerapan nilai murni menjadi sebahagian komponen penting dalam membentuk akhlak yang terpuji dalam kalangan pelajar. Ironinya kini, elemen nilai murni dalam pengajaran dan pembelajaran telah diterapkan secara langsung di dalam Kurikulum Prasekolah Kebangsaan bermula 2003. Kini, setelah penambahbaikan dilakukan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia melalui Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan diperkenalkan bermula tahun 2009. Berikut merupakan matlamat Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan digubal, iaitu :





*"Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan digubal dengan memberikan penekanan kepada standard kandungan dan standard pembelajaran yang patut diketahui dan boleh dilakukan oleh kanak-kanak berumur empat hingga enam tahun. Standard kandungan dan standard pembelajaran berpaksikan pengetahuan, kemahiran asas serta nilai dalam enam Tunjang Pembelajaran berikut, iaitu Komunikasi; Kerohanian, Sikap dan Nilai; Kemanusiaan; Sains dan Teknologi; Perkembangan Fizikal dan Estetika serta Perkembangan Ketrampilan Diri. Untuk tujuan kesinambungan, tunjang-tunjang pembelajaran ini adalah sama dengan tunjang yang difokuskan dalam pendidikan sekolah rendah".*

*(Bahagian Pembangunan Kurikulum – KPM, 2009)*

Sehubungan dengan itu, program pendidikan prasekolah merupakan asas pendidikan yang cukup penting bagi seseorang untuk mengembangkan daya intelek ke tahap yang maksima berlandaskan nilai dan tradisi bangsa yang murni. Keperluan kepada program yang sedemikian rupa sememangnya amat diperlukan, memandangkan agenda pendidikan kini semakin menjadi tumpuan kritis bagi dasar dan pembangunan negara. Perkara ini bertepatan dengan matlamat kerajaan untuk memberikan pendedahan kepada murid-murid prasekolah sebagai persediaan untuk memasuki alam persekolahan sebenar di samping mendedahkan mereka dengan kemahiran-kemahiran asas.

Pengalaman prasekolah dan pembelajaran yang berkesan, bermakna dan mengembirakan akan dapat membekalkan mereka dengan kemahiran, keyakinan diri dan sikap yang positif sebagai persediaan untuk memasuki alam persekolahan formal dan pendidikan sepanjang hayat. Pendidikan prasekolah diakui dapat memberi kesan yang positif kepada kanak-kanak. Pengalaman ini telah memberi kesan yang mendalam kepada perkembangan pendidikan kanak-kanak tersebut. Pendidikan pada peringkat ini adalah asas yang akan membentuk kanak-kanak dalam satu acuan yang







mbolehkannya berkembang dan membesar dalam bentuk acuan yang telah dibuat pada peringkat awal lagi.

### 1.3 Masalah Kajian

Nilai murni merupakan elemen penting dalam konteks untuk membentuk golongan pelajar yang berakhlak mulia. Perkara ini menjadi fokus yang mendasari Sistem Pendidikan Negara. Dalam Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan, aspek penerapan nilai murni menjadi tunjang yang perlu dititikberatkan oleh para guru agar matlamat sukatan pelajaran yang digubal tidak tersasar daripada objektif yang telah ditetapkan. Penekanan aspek nilai murni dalam Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan telah digariskan seperti yang berikut:



*“Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan digubal dengan memberikan penekanan kepada standard kandungan dan standard pembelajaran yang patut diketahui dan boleh dilakukan oleh kanak-kanak berumur empat hingga enam tahun. Standard kandungan dan standard pembelajaran berpaksikan pengetahuan, kemahiran asas serta nilai dalam enam Tunjang Pembelajaran berikut : Komunikasi; Kerohanian, Sikap dan Nilai; Kemanusiaan; Sains dan Teknologi; Perkembangan Fizikal dan Estetika serta Perkembangan Ketrampilan Diri”*

*(Dokumen Standard Prasekolah, 2009 : 2)*

Berdasarkan perkara di atas jelas menunjukkan bahawa aspek penekanan nilai murni menjadi fokus utama dalam pembentukan awal jati diri bagi seseorang kanak-kanak prasekolah. Perkara ini perlu diambil perhatian oleh para guru kerana merekalah yang menentukan hala tuju dalam penyampaian ilmu di dalam kelas. Terdapat sesetengah guru yang mengabaikan aspek penerapan nilai murni ini. Perkara ini sudah





tentu akan menjejaskan kualiti pengajaran seseorang guru dan memberi implikasi yang negatif terhadap perkembangan sahsiah pelajar. Secara tidak langsung, perkara ini boleh menjejaskan matlamat negara untuk menjadikan sistem pendidikan negara bertaraf dunia.

Menurut Rahimah Ahmad (1996), pembangunan manusia sempurna akan memberikan pengertian pelaksanaan nilai murni secara menyeluruh dalam setiap aspek tindakan, peranan dan operasi kehidupan. Lantaran itu, para pendidik yang terlibat dengan pendidikan prasekolah tidak boleh kekal dalam keadaan sekarang. Hal ini kerana sebahagian besar daripada gagasan serta idea yang mereka kuasai adalah bersifat keterbelakang, kerana gagasan dan idea tersebut dilahirkan pada masa lalu.

Dalam pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran peringkat prasekolah pula, seseorang guru perlulah bijak memilih dan menentukan kaedah atau pendekatan yang terbaik untuk mewujudkan suasana pembelajaran yang kondusif di dalam bilik darjah. Hal ini penting bagi memastikan segala isi pelajaran dapat disampaikan kepada para pelajar. Di samping itu, pemilihan teknik pengajaran yang baik juga akan dapat mengelakkan pelajar berasa bosan terhadap persembahan yang disampaikan oleh seseorang guru.

Menurut Mantan Pengarah Pendidikan Guru, Abu Bakar Bachik (2002) guru perlu bijak mempelbagaikan strategi pengajaran untuk menilai pengetahuan dan pendekatan pembelajaran pelajar atau murid masing-masing. Guru perlu tahu bagaimana mengenal pasti kekuatan dan kelemahan pelajar, di samping kemahiran





mengajar pelajar yang mempunyai keperluan khusus atau kecacatan pembelajaran. Guru perlu bijak menganalisis dan membuat refleksi ke atas amalan mereka, menilai keberkesanan pengajaran dan memperbaiki kaedah pengajaran dan pembelajaran.

Berdasarkan pernyataan di atas, pemasalahan kajian ini menjurus kepada teknik yang digunakan oleh guru prasekolah ketika sesi pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas. Teknik pengajaran yang menjadi fokus dalam kajian ini ialah teknik bercerita. Teknik ini merupakan salah satu kaedah yang terangkum dalam Sukatan Kurikulum Standard Prasekolah 2009 yang baharu dan perlu dipraktikkan oleh guru prasekolah di dalam kelas. Oleh itu, penerapan nilai murni melalui teknik bercerita menjadi asas pemasalahan dalam kajian ini.

Morrison (1995) memberikan sebab mengapa guru atau pengamal pendidikan prasekolah perlu mengetahui idea dan teori yang dikemukakan oleh tokoh-tokoh pendidik. Melalui perkara yang dipelajari membolehkan seseorang guru mengetahui bahawa idea yang terdapat pada hari ini bukanlah yang baru, tetapi sesuatu yang dilahirkan semula (*reborn*). White dan Coleman (2000) menyatakan bahawa falsafah pendidikan yang dipegang oleh guru bukan sahaja membantunya dalam berinteraksi dengan kanak-kanak, malah membantunya memahami amalan pengajaran dan membezakan apa yang diamalkan oleh guru-guru lain. Walau bagaimanapun, falsafah yang dipegang oleh seseorang guru akan berubah setelah guru tersebut belajar lebih banyak tentang teori pendidikan awal kanak-kanak, amalan pengajaran dan mendapat pengalaman praktikal di dalam bilik darjah.





## 1.4 Tujuan Kajian

Pendidikan prasekolah merupakan elemen penting dalam konteks menyediakan kanak-kanak kepada pendidikan formal. Melalui pendidikan prasekolah, kanak-kanak bukan sahaja mempelajari asas kepada pembelajaran, tetapi turut diterapkan nilai-nilai murni untuk diaplikasikan dalam kehidupan seharian. Justeru, para guru merupakan penggerak utama dalam membentuk suasana pembelajaran yang kondusif dalam bilik darjah. Meraka haruslah memikirkan kaedah atau teknik pengajaran yang berkesan agar para pelajar tidak berasa bosan terhadap sesuatu mata pelajaran. Dalam kajian ini, terdapat beberapa objektif atau tujuan kajian yang ingin dilihat. Antara tujuan kajian ini dijalankan adalah seperti berikut:

i. Meninjau sejauhmana guru menerapkan nilai murni dalam pengajaran bahasa



Melayu peringkat prasekolah.

ii. Melihat sejauhmana teknik bercerita mampu menerapkan nilai murni dalam kalangan pelajar prasekolah.

iii. Mengetahui kesesuaian penerapan nilai murni semasa sesi pengajaran dan pembelajaran (P&P) dalam kelas.

iv. Menilai kelebihan dan kekurangan teknik bercerita dalam pengajaran dan pembelajaran (P&P) bahasa Melayu peringkat prasekolah.





## 1.5 Kepentingan Kajian

Kajian tentang penerapan nilai murni melalui teknik bercerita pada peringkat prasekolah wajar dilakukan memandangkan pendidikan awal kanak-kanak merupakan aspek penting dan langkah awal dalam membantu proses perkembangan otak kanak-kanak. Kepentingan ini selari dengan kenyataan Azizah Lebai Nordin (2007) yang menyatakan bahawa pendidikan awal kanak-kanak penting dan perlu diberi perhatian kerana 90% daripada perkembangan otak secara optimum berlaku sebelum kanak-kanak mencapai umur lima tahun. Justeru, dapatan kajian ini diharapkan dapat memberi gambaran secara umum tentang penerapan nilai murni yang dipraktikkan oleh guru di dalam kelas dan keberkesanan teknik bercerita yang menjadi salah satu kaedah utama dalam pengajaran peringkat prasekolah. Kajian ini dapat memberi sumbangan kepada beberapa pihak seperti yang berikut:



### 1.5.1 Guru Prasekolah / Guru Mata pelajaran Bahasa Melayu

Melalui kajian ini, para guru prasekolah atau guru mata pelajaran Bahasa Melayu dapat menyedari kepentingan penerapan nilai murni yang perlu dititikberatkan dalam konteks pengajaran di dalam kelas. Selain itu, pihak guru juga dapat menilai keberkesanan teknik bercerita sebagai salah satu pendekatan utama yang digunakan pada peringkat prasekolah. Penghasilan kajian ini juga membolehkan para guru mengenal pasti masalah atau sebab pelajar tidak dapat memberikan tumpuan ketika sesi pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas serta pendekatan untuk memperbaiki kelemahan yang berlaku.



### 1.5.2 Pusat Kegiatan Guru (PKG)

Hasil kajian ini membolehkan PKG membuat penambahbaikan dalam konteks penyediaan sumber bagi tempat rujukan para guru dalam sesuatu kawasan atau daerah. PKG boleh menjadi medium utama dalam menjelaskan kepentingan penerapan nilai murni dan kaedah pengajaran terbaik dengan menjadikan sumber atau bahan yang terdapat di PKG untuk menghasilkan pengajaran dan pembelajaran yang berkesan. Dengan ini, para guru dapat mempraktikkan bahan yang diperoleh di PKG selari dengan objektif pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas.

### 1.5.3 Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pelajaran Malaysia

Hasil dapatan kajian ini boleh dijadikan sandaran Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pelajaran Malaysia untuk menilai kerangka Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan yang mula diperkenalkan pada tahun 2009. Bahagian Pembangunan Kurikulum diharap dapat merangka strategi yang lebih berkesan atau menyediakan modul yang lebih baik bagi memurnikan modul yang sedia ada. Melalui usaha pemurnian dan penambahbaikan kurikulum yang dilakukan dari semasa ke semasa, diyakini akan menghasilkan kualiti pengajaran dalam kalangan guru. Dengan ini, matlamat kerajaan khususnya Kementerian Pelajaran Malaysia untuk menyediakan pengajaran dan pembelajaran yang berkualiti di dalam kelas akan dapat direalisasikan.

## 1.5.4 Ibu bapa

Selain golongan yang terlibat dalam bidang pendidikan, pihak ibu bapa juga boleh menjadikan kajian ini sebagai bahan rujukan dalam konteks pengamalan nilai murni di rumah. Pihak ibu bapa boleh menggunakan pendekatan yang lebih sistematik dalam proses penerapan nilai murni agar kaedah yang diguna pakai bertepatan dengan naluri anak-anak. Pihak ibu bapa boleh mengaplikasikan teknik bercerita kepada anak-anak agar nilai-nilai murni yang ingin diterapkan sampai kepada anak-anak mereka.

## 1.6 Soalan Kajian

Pada keseluruhannya, kajian ini bertujuan menjawab soalan-soalan berikut:

- 1.6.1 Sejauhmanakah guru menerapkan nilai murni dalam pengajaran bahasa Melayu peringkat prasekolah?
- 1.6.2 Sejauhmanakah teknik bercerita mampu menerapkan nilai murni dalam kalangan pelajar prasekolah?
- 1.6.3 Bilakah guru menerapkan nilai murni dalam sesi pengajaran dan pembelajaran?
- 1.6.4 Apakah kelebihan dan kekurangan teknik bercerita dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu peringkat prasekolah?



## 1.7 Definisi Operasional

Bahagian ini akan membincangkan mengenai konsep dan definisi mengenai beberapa istilah yang berkaitan dalam kajian ini. Beberapa istilah telah diberikan definisi khusus untuk mengelakkan sebarang kekeliruan yang timbul dalam kalangan penyelidik atau pembaca. Dengan pembatasan definisi istilah yang dibuat akan menjadikan kajian ini lebih kemas dan teratur. Berikut merupakan beberapa istilah yang dimaksudkan :

### 1.7.1 Penerapan

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2005), penerapan bermaksud perihal menerapkan, menyerapkan, dan mempraktikkan. Dalam konteks kajian ini, istilah penerapan merujuk kepada perihal guru menerapkan nilai murni melalui penggunaan teknik bercerita dalam sesi pengajaran dan pembelajaran (P&P) di dalam kelas. Ruang lingkup penerapan nilai murni ini ialah berdasarkan 17 nilai murni yang digariskan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia.

### 1.7.2 Nilai Murni

Menurut Shahril @ Charil Marzuki et. al (1998) antara objektif penerapan nilai murni melalui pendidikan termasuklah menanamkan kesedaran, kefahaman, keyakinan diri dan kesyukuran, menanamkan semangat cinta akan nilai suci, menghormati kebaikan dan membenci keburukan, membentuk sikap positif yang berguna kepada agama dan bangsa, menjalankan tugas dan bertanggungjawab,







menghapuskan sikap negatif dalam kehidupan, melaksanakan amanah dengan dedikasi, melatih diri supaya berdisiplin, meningkatkan hasil atau produktiviti, dan bahasa mencapai kecemerlangan. Sufean Hussin (1989) menyatakan nilai murni adalah nilai yang menitikberatkan perlakuan baik, peradaban dan tatasusila individu manusia dalam hubungan sesama manusia, alam dan tuhan. Nilai murni dianggap tertumpu kepada domain rohaniah, moral, agama dan estetika yang menyumbangkan kepada ketenteram emosi, pemikiran, kesucian jiwa dan keluhuran peri laku manusia.

Dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu, penerapan nilai murni amat dituntut sama ada secara langsung ataupun tidak langsung. Dalam hal ini, pelbagai teknik dan kaedah dapat digunakan oleh guru untuk memberikan kefahaman kepada pelajar tentang setiap nilai murni, seperti yang digariskan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia, iaitu baik hati, berdikari, berhemah tinggi, hormat-menghormati, kasih sayang, keadilan, kebebasan, keberanian, kebersihan fizikal dan mental, kejujuran, kerajinan, kerjasama, kesederhanaan, kesyukuran, rasional dan semangat kerjasama. Menurut Razali Ayob (2006) matlamat penyerapan nilai murni dalam pendidikan bahasa untuk melahirkan insan yang baik serta memiliki akhlak yang mulia. Selain itu, penghayatan dan amalan nilai murni bertujuan membentuk generasi muda yang berhemah tinggi dan berperibadi mulia.





### 1.7.3 Teknik Bercerita

Yasin Majid (1989) menyatakan teknik bercerita dalam pengajaran bahasa merupakan pendekatan yang paling sesuai digunakan untuk para pelajar yang baru mempelajari sesuatu bahasa. Bercerita adalah teknik yang penting dalam pengajaran bahasa, baik sebagai bahasa pertama (ibunda) mahupun sebagai bahasa kedua. Selain menghiburkan para pelajar, teknik ini juga mempunyai beberapa unsur membina yang terselindung di sebalik cerita-cerita tersebut. Unsur-unsur yang dapat membina bahasa para pelajar melalui teknik bercerita ini termasuklah melatih pemahaman, memperluas perbendaharaan kata dan memperkuat lagi pemahaman struktur-struktur ayat yang telah diajar. Cerita-cerita berunsur moral dapat berfungsi sebagai pedoman hidup dan membentuk sikap yang sihat di dalam diri mereka.



### 1.7.4 Prasekolah

Zulkifley Hamid (2005) menyatakan bahawa dalam sistem atau tatatingkat pendidikan di Malaysia, kanak-kanak biasanya akan mengikuti program pendidikan peringkat prasekolah terlebih dahulu. Program pendidikan ini dikenali sebagai pendidikan peringkat tadika, iaitu singkatan bagi taman didikan kanak-kanak. Program pendidikan yang dilaksanakan di prasekolah merupakan program peralihan atau persediaan bagi kanak-kanak untuk menghadapi situasi pembelajaran formal apabila memasuki darjah satu. Program pendidikan ini menghubungkan dua alam kehidupan yang berlainan, iaitu alam kehidupan



kanak-kanak yang lepas bebas dengan alam persekolahan formal yang dikawal oleh pelbagai peraturan.

Hal ini selaras dengan Akta Pendidikan 1996 yang menyatakan bahawa pendidikan prasekolah adalah merupakan pendidikan awal kanak-kanak yang berumur 4 hingga 6 tahun. Program pendidikan pada tahap ini merupakan suatu program yang fleksibel, iaitu menitikberatkan perkembangan kanak-kanak secara menyeluruh, bersepadu dan seimbang. Selain itu, program ini bertujuan untuk menyediakan kanak-kanak dengan asas ilmu pengetahuan, kemahiran dan nilai murni yang diperlukan dalam konteks kehidupan seharian.

## 1.8 Kesimpulan

Berdasarkan perbincangan dalam Bab I, pengkaji berpendapat bahawa kajian terhadap penerapan nilai murni melalui teknik bercerita peringkat prasekolah ini wajar dilakukan memandangkan pendidikan prasekolah merupakan asas kepada perkembangan kognitif kanak-kanak. Pendidikan prasekolah juga menjadi medium penting kerana kanak-kanak seawal usia 4 hingga 6 tahun untuk diterapkan dengan pelbagai ilmu dan kemahiran asas sebagai persediaan melangkah ke peringkat sekolah rendah. Perkara ini selari dengan matlamat kerajaan untuk melahirkan golongan pelajar yang berilmu dan berketrampilan. Dengan ini, pengkaji mengharapkan kajian yang dilakukan memberi sumbangan dan manfaat kepada dunia pendidikan khususnya warga pendidik agar memberikan pengajaran yang berkesan kepada para pelajar. Semoga matlamat negara untuk melahirkan generasi berilmu akan dapat direalisasikan.